

BAHAGIAN A

[20 markah]

Kertas soalan ini mengandungi 20 soalan. Jawab semua soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C, dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Tuliskan jawapan anda pada ruangan objektif yang disediakan.

Soalan 1 hingga 5

1. Baginda sultan _____ untuk menghadiri majlis anugerah cemerlang sekolah itu.
A. bersetuju
B. berkenan
C. bersedia
D. bersemayam
2. “Saya mahu _____ melakukan persembahan ini dengan baik,” kata Cikgu Hashim kepada Kamal sambil menunjukkan ke arah sekumpulan pelakon.
A. kamu
B. dia
C. mereka
D. kalian
3. Para pelancong _____ gambar di kawasan tanah tinggi itu untuk dijadikan kenangan.
A. menjelaskan
B. merakamkan
C. melakarkan
D. menyampaikan

4. Emak saya membeli tiga _____ jagung rebus di pasar malam.
- A. tangkai
 - B. biji
 - C. ruas
 - D. tongkol
5. Bukan sahaja golongan muda yang perlu tahu akan penggunaan teknologi maklumat _____ golongan tua juga patut mengetahuinya.
- A. malah
 - B. apabila
 - C. namun
 - D. walaupun

Soalan 6 hingga 7

Ayat-ayat di bawah **mungkin betul dan mungkin salah**. Tandakan sama ada **A, B, atau C** jika ayat itu **mengandungi kesalahan** dan tandakan **D** jika **tiada kesalahan** dalam ayat berkenaan.

6. Pandu Puteri adalah sebuah pertubuhan kokurikulum yang diwujudkan di sekolah-sekolah. Tiada kesalahan.
- A B C D
7. Kamarul dipanggil oleh Cikgu Haniza masuk ke bilik kaunseling untuk berbincang akan masalahnya.
- A B C

Tiada kesalahan.

D

Soalan 8 hingga 9

Pilih ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** dengan betul.

- 8. I Artis antarabangsa itu menyanyikan lagu sambil *memetik* gitar.
- II Pekerja di ladang teh akan *memetik* daun-daun teh setiap pagi.
- III Penceramah terkenal itu akan *memetik* ayat-ayat al-Quran sebagai sumbernya.
- IV Tauke Wong *memetik* kepada sekumpulan remaja yang ingin mencuri buah di kebunnya.

- A. I dan II
- B. III dan IV
- C. I, II, dan III
- D. II, III, dan IV

9. I Pada *badan* Muniandy terdapat satu tanda bulat berwarna hitam.

II *Badan* bangunan itu tidak mendapat kelulusan pihak berkuasa.

III Kesan tembakan itu meninggalkan parut pada *badannya*.

IV Isu itu turut mendapat perhatian daripada *badan* bukan kerajaan.

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. I, II, dan III
- D. I, III, dan IV

Soalan 10 dan 11

Bahagian yang bergaris dalam ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

10. Zaharah boleh mebuat berbagai corak anyaman tikar mengkuang.

- A. buatbagai corak
- B. membuat pelbagai corak
- C. membuat berbagai corak-corak
- D. membuat berbagai-bagai corak-corak

11. Perasaan sedih saya cuba sembunyikan dengan tersenyum ketika bersama dengan anak-anak.

- A. cuba saya menyembunyikan
- B. cuba disembunyikan oleh saya
- C. cuba saya sembunyikan
- D. saya cuba sembunyikan

Soalan 12 hingga 13

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang **sama** atau yang **paling hampir** dengan ayat yang dicetak tebal.

12. **“Semua murid boleh mengisi borang kemasukan ke universiti setelah keputusan peperiksaan SPM diumumkan,” kata Pengetua kepada semua calon SPM.**

- A. Pengetua memaklumkan kepada semua murid bahawa mereka perlu mengisi borang kemasukan ke universiti selepas keputusan peperiksaan SPM diumumkan.
- B. Semua calon SPM dimaklumkan oleh Pengetua bahawa mereka boleh mengisi borang kemasukan ke universiti selepas keputusan peperiksaan SPM diumumkan.
- C. Semua calon SPM memaklumkan kepada Pengetua bahawa mereka boleh mengisi borang kemasukan universiti selepas keputusan peperiksaan SPM diumumkan.
- D. Pengetua memaklumkan bahawa keputusan peperiksaan SPM boleh diisi oleh semua calon SPM selepas kemasukan ke universiti diumumkan.

13. **Rosyam telah mengalahkan Rasyid dalam pertandingan catur semalam.**

- A. Rasyid telah dikalahkan oleh Rosyam dalam pertandingan catur semalam.
- B. Dalam pertandingan catur semalam, Rosyam telah dikalahkan oleh Rasyid.
- C. Rosyam dan Rasyid telah kalah dalam perlawanan catur semalam.
- D. Semalam, pertandingan catur Rasyid telah mengalahkan Rosyam.

Soalan 14 hingga 15

Pilih ayat-ayat yang betul.

14. I Murid yang mendapat keputusan cemerlang itu adalah kawan saya.

II Semua buku di dalam perpustakaan perlu disusun dengan kemas.

III Wanita yang mendeklamasikan sajak itu bukan ibu saya.

IV Encik Johari memperindah taman bunga di halaman rumahnya.

- A. I dan II
- B. III dan IV
- C. I, II, dan III

D. II, III, dan IV

15. I Tolong jangan bermain di tengah jalan raya itu.

II Di dalam kotak yang besar itu apakah?

III Animlah yang memasak bubur nasi itu untuk ibunya yang sakit.

IV Dia terpaksa membuat pinjaman bank oleh sebab wangnya tidak mencukupi untuk membeli kereta.

A. I dan II

B. II dan III

C. II dan IV

D. III dan IV

Soalan 16 dan 17

Bulatkan **peribahasa** yang tepat berdasarkan pernyataan di bawah.

Puan Salbiah gembira apabila suaminya pulang membawa daging kijang untuknya kerana dia teringin sangat hendak makan daging kijang.

16. Peribahasa yang sesuai dengan pernyataan di atas ialah _____.

A. nasi sudah menjadi bubur

B. pucuk dicita ulam mendatang

C. kecil tapak tangan, nyiru ditadahkan

D. kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya

17. **Bagai anjing menyalak bukit**

Peribahasa lain yang boleh digantikan dengan peribahasa di atas ialah _____.

A. bagai kacang lupakan kulit

B. bagai telur di hujung tanduk

C. bagai mencurah garam ke laut

D. bagai anjing dengan bayang-bayang

Soalan 18 hingga 20

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

“Kami yang tua-tua ni tak terdaya nak terus bertani. Itu sebab kami nak lepaskan, daripada langsung tidak diusahakan. Sekarang syarikat itu dah batalkan rancangan mereka. Nampaknya terus tinggal terbiarlah tanah tu, jadi tempat tikus bertandak!”

Terdengar keluhan dalam kalangan tetamu tidak diundang itu.

Alif menarik nafas. Dia bersabung pandang dengan mata emak. Dia nampak emak mengejipkan mata semacam memberi isyarat. Tidak semena-mena dia nampak wajah abah terselit dalam kerumunan orang ramai itu.

“Saya ada rancangan untuk petak-petak tu. Saya minta izin dan restu semua tuan tanah.”

“Buat apa?”

Ada suara mencelah laju.

“Estet padi!”

Petak-petak itu kini menguning berbuah emas. Projek estet padi mini berkeluasan 58,609 hektar dengan penglibatan 15 orang tuan rumah semakin menampakkan hasil.

(Dipetik daripada cerpen *Menuai Emas*,
Antologi Baik Budi Indah Bahasa, Tingkatan 2,
Kementerian Pendidikan Malaysia)

18. Berdasarkan petikan, apakah rancangan yang akan dilakukan oleh Alif ke atas tanah tersebut?

- A. Mengusahakan estet padi
- B. Menanam sayuran yang berwarna kuning
- C. Membiarkan tanah tersebut menjadi kering
- D. Menjadikan tanah tersebut sebagai kawasan pembangunan

“Kami yang tua-tua ni tak terdaya nak terus bertani. Itu sebab kami nak lepaskan, daripada langsung tidak diusahakan. Sekarang syarikat itu dah batalkan rancangan mereka. Nampaknya terus tinggal terbiarlah tanah tu, jadi tempat tikus bertandak!”

19.

Gaya bahasa bagi perkataan-perkataan yang bergaris ialah _____.

- A. simile
- B. sinkof

- C. responsi
- D. unsur alam

20. Berikut merupakan pernyataan yang benar dalam petikan, **kecuali** _____.

- A. Alif menangis setelah mendapat bantahan daripada orang kampung
- B. Alif terbayang wajah ayahnya dalam kerumunan orang ramai
- C. Orang kampung berasa kecewa setelah tanah mereka tidak dimajukan oleh sebuah syarikat.
- D. Alif telah berjaya untuk memajukan tanah milik orang kampung

BAHAGIAN B

Soalan 1 [5 markah]

Tandakan (/) pada frasa yang betul.

perkhidmatan atas talian	
perkhidmatan dalam talian	

Kami susun	
disusun oleh kami	

saling tolong-menolong	
saling menolong	

dalam kalangan guru	
di kalangan guru	

selekoh merbahaya	
-------------------	--

selekoh berbahaya	
-------------------	--